



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**28 Julai 2024
22 Muharam 1446H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|------------------------------|---|
| Utusan Malaysia | <ul style="list-style-type: none">• Projek Lexis Hibiscus 2: Nelayan terima pampasan setiap bulan |
| Berita Harian | <ul style="list-style-type: none">• Nelayan terkesan projek Lexis Hibiscus 2 diberi pampasan |
| Harian Metro | <ul style="list-style-type: none">• |
| Kosmo ! | <ul style="list-style-type: none">• |
| Sinar Harian | <ul style="list-style-type: none">• Bangkai penyu ditemui terdampar |
| The Star | <ul style="list-style-type: none">• |
| New Straits Time | <ul style="list-style-type: none">• |
| Nanyang Siang Pau | <ul style="list-style-type: none">• |
| Malaysia Gazette | <ul style="list-style-type: none">• |
| Malaysiakini | <ul style="list-style-type: none">• |
| Bernama | <ul style="list-style-type: none">• |
| Borneo Post (Kuching) | <ul style="list-style-type: none">• |
| The Sun | <ul style="list-style-type: none">• |
| TV Sarawak | <ul style="list-style-type: none">• |
| Life News Agency | <ul style="list-style-type: none">• |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|---------|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | |
| BERITA HARIAN | ✓ | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | 15 | 28/7/2024 |

Nelayan terkesan projek Lexis Hibiscus 2 diberi pampasan

BH M/S 15 28/7/2024

Port Dickson: Seramai 40 keluarga nelayan di kawasan Pasir Panjang, Port Dickson, menerima pampasan RM1,000 setiap bulan sepanjang pembinaan projek pembangunan Lexis Hibiscus 2 yang bermula Jun lalu sehingga Jun 2029.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata sepanjang pembinaan projek itu nanti, seba-

hagian besar kawasan laut akan ditutup dan akan menjejaskan pendapatan nelayan.

"Pampasan yang diberikan ini adalah sebagai ganti rugi kerana mereka tidak dapat turun ke laut sepanjang projek ini berjalan.

"Saya dimaklumkan pihak pema-ju juga akan memberi keutamaan kepada anak-anak keluarga nelayan terbabit untuk mendapat

tawaran pekerjaan di Lexis Hibiscus.

"Dijangkakan projek pembangunan ini bakal mewujudkan kira-kira 5,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan," katanya dalam satu kenyataan selepas merasinkan Majlis Pecah Tanah Pembangunan Lexis Hibiscus 2, di Kampung Sungai Menyala, di sini, petang kelmarin.

Aminuddin berkata, projek yang dijangka siap menjelang 2029 itu adalah kerjasama strategik KL Metro Group dan Menteri Besar Negeri Sembilan-Pemerbadanan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan negeri, berkata dengan seni reka binaan bermotifkan Bunga Kebangsaan Malaysia (Bunga Raya), simbolik ini menjadikan resort (Lexis

Hibiscus) sebagai tarikan unik sehingga mendapat permintaan tinggi daripada pelancong domestik dan juga luar negara.

Pembinaan resort berkenaan dijangka mampu mengukuhkan Port Dickson sebagai destinasi utama pelancongan dan percutian mewah selain bagi aktiviti mem- babitkan mesyuarat, insentif, kon- vensyen dan pameran (MIKP).

| JENIS AKHBAR | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---------------------------|--|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | ✓ | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | | NEGATIF | | NEUTRAL | | 32 | 28/7/2024 |

SH M/S 32 28/7/2024

Bangkai penyu ditemui terdampar

BESUT - Bangkai seekor penyu ditemui terdampar di Pantai Benting Lintang dekat sini pada petang Jumaat.

Ketua Geng Plastik Hijau (GPI) Daerah Besut, Afifah Ab Aziz berkata, bangkai reptilia marin itu ditemui dalam keadaan tanpa kepala dan separa reput kira-kira jam 5.30 petang.

"Bangkai tersebut ditemui oleh orang awam sebelum menghubungi kami. Bangkai ini adalah pertama kali ditemui di pantai berkenaan pada tahun ini.

"Penyu itu berkemungkinan telah mati sebelum dihanyutkan ombak ke pesisir pantai tersebut.

"Haiwan itu ditemui dalam keadaan tanpa kepala dan cangkerangnya hampir pecah," katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad*.

Mengulas lanjut, Afifah berkata, pihaknya telah membuat laporan kepada Pegawai Perikanan Daerah Besut untuk tindakan lanjut.

JENIS AKHBAR

| | | | | | | | | | |
|---------------------------|---|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | ✓ | KOSMO! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 38 | 28/7/2024 |

UM MS 38 28/7/2024

Projek Lexis Hibiscus 2: Nelayan terima pampasan setiap bulan

PORT DICKSON: Sebanyak 40 buah keluarga nelayan di kawasan Pasir Panjang di sini, menerima pampasan sebanyak RM1,000 setiap bulan sepanjang pembinaan projek pembangunan resort Lexis Hibiscus 2.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, projek berkenaan dibangunkan bersebelahan dengan resort sedia ada dengan keluasan lebih kurang 32 hektar dan tempoh pelaksanaan projek itu mengambil masa selama lima tahun bermula Jun lalu.

Katanya, pemberian pampasan itu dimulakan sejak bulan lalu yang mana senarai nama penerima dikenal pasti oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan persatuan nelayan.

“Kami telah janji untuk kita bagi bulanan (pampasan) sehingga projek selesai kerana kita tahu bahawa nelayan tidak dapat ke laut. Pemberian pampasan ini sehingga projek selesai.

“Pemberian bantuan buat anak nelayan yang bersekolah juga ada kerana itu antara perkara yang kita tekankan semasa perjanjian (projek) ditan-



AMINUDDIN Harun (dua dari kiri) menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Lexis Hibiscus 2, Pekan Sungai Menyala, Port Dickson, Negeri Sembilan. - MINGGUAN/NOR AINNA HAMZAH

datangani. Kita tidak mahu ada pihak yang hanya melihat pembangunan dan ada pihak pula yang terkesan,” katanya selepas Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Lexis Hibiscus 2, Pekan Sungai Menyala, kelmarin.

Sebagai rekod, projek berkenaan adalah satu perjanjian

usahasama antara Menteri Besar Incorporated (MBI) dengan syarikat Kuala Lumpur Metropolitan (M) Sdn. Bhd. yang dimuktamadkan pada 28 Mac 2018 dan sepatutnya bermula pada tahun 2020.

Bagaimanapun, ia mengalami kelewatan disebabkan pandemik Covid-19.